



ELEMEN KEBERKESANAN SISTEM PAROL DALAM MENANGANI FENOMENA RESIDIVISME DALAM KALANGAN ORANG YANG DIPAROL

(Elements of The Effectiveness of Parole System in Dealing with The Phenomenon of Recidivism Among Paroled People)

Mohamad Fauzi Abdul Latib¹, Fauzana Zaik²

^{1,2}Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Malaysia

Correspondence Author: fauzilatif@unisza.edu.my

Received: 5 August 2022 • Accepted: 19 April 2023 • Published: 30 April 2023

Abstract

Various approaches have been carried out by the Malaysian Prisons Department as an institution specifically responsible for the rehabilitation of prisoners to assist in rebuilding themselves so that they can play a role in society again whether as husband, wife, father, mother, child, employee and others. Among the approaches that have been introduced by the Malaysian Prisons Department is the Parole System which plays an important role in ensuring that prisoners who are released on parole can return to society as a useful person. The main objective of this research is to identify the key elements to the effectiveness of the implementation of the Parole System in dealing with the phenomenon of recidivism among Parolees (ODP). This research is a qualitative research that uses a case study approach through in-depth interviews. This research was conducted in two Terengganu District Parole Offices, namely the Kuala Terengganu District Parole Office and the Hulu Terengganu District Parole Office. This research involved in-depth interviews with 13 parolees (ODP) as research respondents. Sample selection was done through purposive sampling techniques and the data obtained was analyzed using thematic analysis. The research results found that there are 4 main elements to the effectiveness of the implementation of the Parole System in dealing with the phenomenon of recidivism among OPDs, namely, the implementation of regular urine tests, monitoring, moral support from parole officers and drug prevention education programs.

Keywords: *Elements of Effectiveness; Parole System; Recidivism Phenomenon; Paroled Persons*

Abstrak

Pelbagai pendekatan telah dilakukan oleh Jabatan Penjara Malaysia sebagai institusi bertanggungjawab secara khusus dalam pemulihan banduan untuk membantu dalam membina kembali diri mereka agar dapat berperanan semula dalam masyarakat sama ada sebagai suami, isteri, ayah, ibu, anak, pekerja dan lain-lain. Antara pendekatan yang telah diperkenalkan oleh pihak Jabatan Penjara Malaysia iaitu Sistem Parol yang memainkan peranan penting dalam memastikan banduan yang dibebaskan secara parol dapat kembali ke pangkuan masyarakat sebagai seseorang yang berguna. Objektif utama penyelidikan ini adalah mengenal pasti elemen utama kepada keberkesanan pelaksanaan Sistem Parol dalam menangani fenomena residivisme dalam kalangan Orang yang DiParol (ODP). Penyelidikan ini merupakan penyelidikan kualitatif yang menggunakan pendekatan kajian kes melalui kaedah temu bual mendalam. Penyelidikan ini telah dijalankan di dua buah Pejabat Parol Daerah Negeri Terengganu iaitu Pejabat Parol Daerah Kuala Terengganu dan Pejabat Parol Daerah Hulu Terengganu. Penyelidikan ini melibatkan temu bual mendalam terhadap 13 orang yang diparol (ODP) sebagai responden penyelidikan. Pemilihan sampel dilakukan melalui teknik persampelan bertujuan dan data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan analisis tematik. Hasil penyelidikan mendapati bahawa terdapat 4 elemen utama kepada keberkesanan pelaksanaan Sistem Parol dalam menangani fenomena residivisme dalam kalangan OPD iaitu, pelaksanaan ujian air kencing secara berkala, pemantauan, sokongan moral dari pegawai parol dan program pendidikan pencegahan dadah.

Kata kunci: Elemen Keberkesanan; Sistem Parol; Fenomena Residivisme; Orang yang DiParol

Cite as: Abdul Latib, M.F., Zaik, F. (2023). Elements of The Effectiveness of Parole System in Dealing with The Phenomenon of Recidivism Among Paroled People. *Asian People Journal*, 6(1), 111-123.

PENGENALAN

Bagi sesetengah individu, pelaksanaan sistem parol ke atas banduan boleh menjadi satu perkara yang amat menakutkan. Hal ini kerana, melalui pelaksanaan sistem parol seseorang penjenayah yang ganas akan dibenarkan keluar dari penjara dan menjalani kehidupan seharian di dalam masyarakat (Anglin, 2016). Mengikut pandangan sesetengah ahli masyarakat, keadaan ini boleh mengancam ketenteraman dan nyawa mereka. Oleh yang demikian, apabila mengetahui bahawa kerajaan akan melaksanakan sistem parol ini, sesetengah ahli masyarakat merasakan tindakan kerajaan tersebut tidak tepat dan boleh mendatangkan pelbagai permasalahan (Aslie, 2008). Akan tetapi, disebabkan sistem perundangan dan keadilan negara serta permasalahan kesesakan banduan yang berlaku hampir di semua penjara, sistem parol merupakan antara alternatif dalam menyelesaikan permasalahan tersebut.

Apa itu Sistem Parol? Siapakah orang yang mula-mula mengetengahkan idea berkaitan sistem parol ini? Sistem Parol adalah satu kaedah yang membolehkan banduan dilepaskan dari tahanan penjara dengan bersyarat sebelum tamat tempoh hukuman yang disabitkan oleh mahkamah kerana berkelakuan baik (Cromwell et al., 2017). Akan tetapi banduan yang mengikuti sistem parol perlulah melibatkan diri dalam kerja-kerja amal yang berfaedah di luar penjara dengan pengawasan dan penyeliaan pegawai parol. Perkataan 'Parol' adalah berasal daripada perkataan Perancis iaitu 'parole' yang bermaksud 'janji' (Carney, 2017). Manakala banduan yang menjalani sistem parol pula dikenali sebagai 'parolee' (Cromwell et. al., 2017) Objektif utama pelaksanaan sistem parol di penjara

adalah untuk memulihkan banduan dalam komuniti dan mewujudkan kerjasama antara penjara dan komuniti bagi memulihkan banduan (Hammer-Bacher & Lyvers, 2018). Sistem ini mewujudkan jaringan dan kerjasama secara bijak antara masyarakat dan penjara secara langsung di dalam proses pemulihan banduan (Mohamad, 2011).

Selain untuk memulihkan banduan dengan penglibatan ahli komuniti, pelaksanaan sistem parol juga bertujuan untuk mengurangkan kesesakan limpahan banduan dalam penjara (Jamalludin, 2016). Pelaksanaan sistem parol terhadap seseorang banduan melibatkan proses penyeliaan dan pengawasan oleh seorang pegawai parol (Carney, 2017). Pegawai parol yang ditugaskan untuk menyelia dan mengawasi seseorang banduan merupakan seorang pegawai penjara yang mempunyai pengalaman yang luas berkaitan hal banduan serta telah mengikuti kursus mengenai pelaksanaan sistem parol di luar negara (Lajis, 2015).

Tempoh bagi seseorang banduan mengikuti sistem parol adalah bergantung kepada keputusan yang dibuat oleh lembaga parol yang telah dilantik oleh ketua bagi sesebuah negara (Carney, 2017). Lembaga parol yang telah dilantik dianggotai oleh tujuh orang ahli yang terdiri daripada seorang anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan, seorang pegawai kanan jabatan penjara, seorang pegawai kanan jabatan polis, seorang pegawai kanan jabatan kebajikan dan tiga orang ahli masyarakat (Lajis, 2015). Sekiranya seseorang banduan yang sedang mengikuti sistem parol melanggar sebarang peraturan parol atau terlibat dalam sebarang kegiatan jenayah, banduan tersebut akan digugurkan dari mengikuti sistem parol dan dipenjarakan semula (Kementerian Dalam Negeri, 2010).

Sistem parol mula diperkenalkan oleh Brockway Zebulon dalam tahun 1876 (Carney, 2017). Brockway Zebulon merupakan seorang penoligist dan dianggap sebagai ‘Bapa Reformasi Penjara’ di Amerika Syarikat hasil dari pembaharuan besar yang beliau laksanakan terhadap institusi penjara di Amerika Syarikat (Cromwell et. al, 2017). Brockway dilahirkan di Lyme, Connecticut pada tahun 1828 dan memulakan kerjaya sebagai pengawal penjara di penjara negeri di Wethersfield, Connecticut pada usia 20. Pada usia 23 tahun, beliau telah dinaikkan pangkat menjawat jawatan kerani di Penjara Wethersfield. Pada tahun 1861, ketika usia beliau menjangkau 33 tahun, beliau telah menjawat jawatan Penguasa Penjara di Detroit di mana beliau cuba untuk memperkenalkan sistem ‘hukuman tidak menentu’ (*indeterminate sentence*) (Carney, 2017).

Pada tahun 1876 sehingga tahun 1900, beliau menjadi penguasa di Penjara Elmira, New York. Penjara Elmira merupakan penjara pertama di Amerika Syarikat yang memberikan fokus kepada pemulihan akhlak banduan (Carney, 2017). Semasa beliau menjawat jawatan Penguasa Penjara Elmira, beliau telah memperkenalkan program pendidikan, latihan perdagangan, aktiviti fizikal, ‘hukuman tidak menentu’ (*indeterminate sentence*), klasifikasi penghuni dan program insentif (Carney, 2017). Beliau memperkenalkan program-program tersebut di atas kepercayaan bahawa sebab utama seseorang banduan dihukum dengan hukuman penjara adalah untuk pemulihan dan bukan semata-mata hanya untuk menghukum banduan tersebut. Dengan memberikan bimbingan moral dan kerohanian yang mereka perlukan, beliau percaya bahawa ini adalah kunci untuk membantu mereka berubah menjadi lebih baik dan menjadi rakyat yang berguna (Carney, 2017).

Beliau juga menggunakan idea ‘hukuman tidak menentu’ yang akan membolehkan seseorang banduan untuk mendapatkan pembebasan lebih awal daripada yang dijangka (Cromwell et. al., 2017). ‘Hukuman tidak menentu’ yang dilaksanakan oleh beliau mempunyai dua bahagian. Pada satu bahagian, jika seseorang banduan berkelakuan baik dan mengikut segala peraturan yang dikenakan, maka dia akan diberi ganjaran. Manakala pada satu bahagian yang lain, jika seseorang banduan tidak mematuhi peraturan, maka dia akan dihukum (Carney, 2017). ‘Hukuman tidak menentu’ inilah yang akhirnya menjadi dasar kepada pembentukan sistem parol.

Pada tahun 1893, pentadbiran beliau telah diletakkan di bawah siasatan kerajaan akibat dari tuduhan kekejaman terhadap banduan di Penjara Elmira dan beliau telah bersara pada usia 72 tahun pada tahun 1900 selepas kritikan lanjut. Pada tahun 1912, beliau menulis sebuah buku bertajuk 'Lima Puluh Tahun Perkhidmatan Penjara'. Zebulon Brockway meninggal dunia pada tahun 1920 pada usia 92 (Carney, 2017). Oleh itu artikel ini membincangkan mengenai sejauh manakah pencapaian pelaksanaan program ODP yang dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia khususnya di Bahagian Parol dan Perkhidmatan Komuniti setakat hari ini berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan sebelum ini. Ianya amat penting kerana satu rentetan bagi mengemas kini data-data dan seterusnya dapat membantu merumuskan penambahbaikan strategi-strategi baru kepada pihak Jabatan Penjara Malaysia khususnya di Bahagian Parol dan Perkhidmatan Komuniti supaya lebih komprehensif dan efisien pada masa akan datang.

Orang Yang DiParol (ODP)

Orang yang DiParol (ODP) membawa erti penghuni yang dipilih oleh pihak Jabatan Penjara Malaysia dalam menjalani baki hukuman di luar penjara kerana disebabkan kelakuan baik mereka sewaktu menjalani hukuman didalam penjara. Mereka ini diawasi oleh Pegawai Parol berdasarkan Akta Penjara 1995 (Lajis, 2015).

Latar Belakang Sistem Parol Di Malaysia

Selepas kemerdekaan Malaysia 60 tahun lalu, Jabatan Penjara Malaysia semakin berkembang dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang pemulihan. Ini kerana Jabatan tersebut menyedari bahawa kemasukan pesalah residivism boleh dikurangkan dengan menggunakan pelbagai pendekatan yang efektif dan efisien. Antara pendekatan yang digunakan adalah memperkenalkan program Pelan Pembangunan Insan (PPI) yang merupakan satu mekanisma ke arah memulihkan pesalah secara total (Mahmood Nazar Mohamed, 2016). Rentetan daripada pengenalan program tersebut satu lagi program untuk memulihkan diperkenalkan oleh Jabatan Penjara iaitu Sistem Parol. Jika dulu, peranan dan tanggungjawab kakitangan penjara hanya berfungsi untuk memastikan kawalan dan keselamatan ke atas banduan yang dipenjarakan sahaja sehingga dibebaskan. Namun kini sejak pengenalan Sistem Parol ianya memainkan peranan penting dalam memastikan banduan yang dibebaskan secara Parol dapat kembali kepada masyarakat sebagai seseorang yang berguna kepada negara dan mematuhi undang-undang yang sedia ada (Jabatan Penjara Malaysia, 2017).

Sistem Parol merupakan satu sistem pelepasan secara Perintah Parol di mana penghuni yang layak boleh memohon dilepaskan bagi menjalani baki hukuman di luar penjara. Ianya bertujuan untuk membuka peluang kedua bagi penghuni penjara memulakan hidup baharu bersama keluarga serta masyarakat (Jamaludin, Noor Azniza, Siti Rozaina, & Nabisah, 2019). Sistem ini telah dilaksanakan berdasarkan kepada pindaan Akta Penjara 1995 pada tahun 2008 yang dikuatkuasakan pada 30 Jun 2008. (Astro Awani, 2017). Pelepasan secara Perintah Parol yang pertama adalah seramai 64 orang banduan pada 26 Julai 2008. Berdasarkan statistik terkini, seramai 16,500 banduan yang kebanyakannya belia selesai menjalani Sistem Parol dan sejak perlaksanaannya, sebanyak 26,000 permohonan telah dipertimbangkan untuk menjalani sistem ini (Jamaludin et. al, 2019). Pencapaian sistem ini baik apabila sebanyak 99 peratus daripada Orang Diparol (ODP) memperoleh pekerjaan manakala kadar residivis (berulang melakukan jenayah) ODP adalah di bawah 0.51 peratus (Jamaludin et. al, 2019).

Setiap program pemulihan yang dilaksanakan pastinya mempunyai kelebihan yang tersendiri. Begitu juga dengan pelaksanaan sistem parol. Ia juga mempunyai kelebihan yang tersendiri apabila ianya dilaksanakan. Kelebihan inilah yang sering menjadi elemen keberkesanan pelaksanaan sistem parol dalam menangani fenomena residivisme dalam kalangan ODP.

Menurut Cromwell et. al, (2017), antara kelebihan yang diperoleh hasil daripada pelaksanaan sistem parol di England adalah orang yang diparol diberikan hak untuk memilih sendiri tempat tinggalnya. Pihak penjara dan pusat parol tidak menyediakan tempat tinggal atau menentukan kawasan-kawasan tertentu untuk dijadikan tempat tinggal bagi orang yang diparol. Hal ini supaya orang yang diparol berasa selesa tinggal di rumah yang dipilih olehnya sendiri berbanding dengan tinggal di rumah yang ditentukan oleh pihak penjara. Jelas di sini bahawa pihak penjara tidak mahu mengongkong dan tidak sesekali menidakkan hak orang yang diparol dalam menentukan keperluan hidup mereka. Walau bagaimanapun orang yang diparol tidak dibenarkan untuk tinggal bersama dengan rakan yang juga sedang menjalani parol (Cromwell, 2017).

Kelebihan seterusnya yang dinikmati oleh orang yang diparol ialah mereka dikehendaki bekerja selama mengikuti parol dan diberikan hak untuk memilih sebarang pekerjaan yang mereka minati. Melalui pekerjaan tersebut orang yang diparol memperoleh sumber kewangan bagi menyara dirinya serta ahli keluarganya. Dengan bekerja juga orang yang diparol dapat merasai bahawa dirinya telah berfungsi kembali di mana mereka dapat berdikari sendiri dan kehidupan harian mereka lebih terisi dengan aktiviti yang berfaedah untuk diri dan keluarga. Ekoran daripada itu ianya juga boleh membuatkan orang yang diparol dapat meningkatkan motivasi diri untuk hidup kembali dalam masyarakat tanpa ada perasaan rendah diri. Interaksi antara masyarakat juga dapat diperbaiki kerana selama ini mereka hidup jauh daripada masyarakat dan hanya berada dalam kelompok mereka sahaja (Cromwell, 2017). Selain itu, antara kelebihan sistem parol ialah kebebasan beragama. Sepanjang tempoh menjalani parol ini, orang yang diparol diberikan kebebasan untuk mengikuti sebarang aktiviti keagamaan di atas kehendaknya sendiri. Berbeza dengan keadaan mereka semasa berada di dalam penjara di mana mereka dikehendaki mengikuti aktiviti keagamaan yang telah ditetapkan oleh pihak penjara. Melalui kebebasan tersebut, ianya memberikan kesan yang lebih mendalam kepada orang yang diparol kerana mereka hadir dalam majlis agama atas dasar kehendak mereka untuk mendalami ilmu agama dan mengubah diri mereka sendiri. Dengan ini juga ia akan lebih merapatkan hubungan dengan ahli agama dan sekali gus dapat merubah pandangan masyarakat terhadap mereka. Akhirnya orang yang diparol merasa bahawa dirinya kini telah diterima oleh masyarakat.

Menurut Anglin (2016), antara kelebihan pelaksanaan sistem parol di Amerika Syarikat pula, kebebasan rekreasi juga merupakan salah satu kebaikan yang terdapat dalam sistem parol. Selama menjalani parol orang yang diparol bebas untuk melakukan sebarang aktiviti rekreasi selagi mana aktiviti tersebut tidak melanggar undang-undang. Orang yang diparol boleh mengikuti sukan rekreasi yang terdapat dalam komuniti seperti menyertai pasukan bola sepak, pasukan futsal, dan sebagainya. Selain daripada memberi keseronokkan, aktiviti rekreasi ini juga dapat menyihatkan tubuh badan dan mewujudkan gaya hidup yang positif. Kesannya orang yang diparol merasai kenikmatan hidup ini dan akan mengekalkan gaya hidup yang positif (Anglin, 2016).

Kelebihan seterusnya hasil pelaksanaan sistem parol adalah setelah orang yang diparol selesai menjalani sistem parol dengan baik dia akan dibebaskan daripada hukuman penjara. Namun perlu diingatkan bahawa orang yang diparol hendaklah memenuhi semua syarat semasa menjalani parol seperti menghadiri mesyuarat yang telah ditetapkan, menjalani ujian dadah berkala, mematuhi semua undang-undang dan masih lagi bekerja. Sekiranya semua syarat tersebut dapat diikuti dengan baik maka orang yang diparol akan dibebaskan dan rekod jenayahnya akan dilupuskan (Anglin, 2016).

Kelebihan ketiga adalah dari segi kelakuan orang yang mengikuti program sistem parol itu sendiri. Orang yang menjalani proses parol adalah kurang berkemungkinan untuk kembali semula kepada tingkahlaku jenayah yang telah menyebabkannya dikenakan hukuman penjara. Program sistem parol direka khas untuk membantu

banduan kembali semula ke pangkuan masyarakat dan memainkan peranan sebagai salah seorang ahli masyarakat. Semasa seseorang banduan menjalani sistem parol, banduan tersebut diajar untuk berkelakuan dengan tingkah laku yang boleh diterima dan disenangi oleh ahli masyarakat. Setelah masyarakat mula menerima kepulangannya ke pangkuan masyarakat tanpa sebarang diskriminasi dan prasangka buruk, banduan tersebut akan dapat meneruskan kehidupan di dalam masyarakat dengan aman sentosa (Anglin, 2016).

Perlaksanaan sistem parol juga membawa kebaikan dari segi ekonomi. Seseorang banduan yang mengikuti sistem parol dikehendaki bekerja dengan sebarang pekerjaan yang tidak menyalahi undang-undang. Tujuan utama orang yang diparol dikehendaki bekerja adalah untuk menyara dirinya sendiri serta ahli keluarganya tanpa perlu lagi bergantung kepada mana-mana pihak sama ada pihak penjara mahu pun pihak kerajaan yang lain. Apabila orang yang diparol sudah mempunyai pekerjaan serta mampu menyara diri dan ahli keluarganya sendiri, maka pihak penjara tidak perlu lagi mengeluarkan duit untuk menyara kehidupan orang yang diparol. Hal ini merupakan satu kelebihan ekonomi kepada pihak penjara mahupun pihak kerajaan. Duit yang dikeluarkan oleh pihak penjara mahupun pihak kerajaan bagi menyara kehidupan seharian orang yang diparol semasa menjalani hukuman penjara dapat dijimatkan dan digunakan pada keperluan yang lain (Anglin, 2016).

MacKenzie (2016), menyatakan bahawa hasil pelaksanaan sistem parol, ianya membantu pihak kerajaan Amerika Syarikat menyelesaikan permasalahan kesesakan penjara-penjara di seluruh Amerika Syarikat. Banduan yang diletakkan dalam sistem parol merupakan banduan yang tidak dikategorikan sebagai penjenayah yang merbahaya. Dengan meletakkan banduan tersebut dalam sistem parol, maka ruang di dalam penjara diluaskan bagi menempatkan banduan-banduan yang dikategorikan sebagai penjenayah merbahaya. Hal ini memberi manfaat kepada keselamatan dan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya (MacKenzie, 2016).

Kelebihan kedua menurut MacKenzie adalah dari segi kos dalam menyara kehidupan seharian banduan-banduan di dalam penjara seluruh Amerika Syarikat. Dengan menempatkan banduan tertentu dalam sistem parol, ianya dapat menjimatkan wang yang perlu dibelanjakan bagi pengurusan banduan di penjara yang menelan belanja 68 juta dolar setahun. Melalui pelaksanaan sistem parol, kerajaan Amerika Syarikat dapat menjimatkan kira-kira 23 juta dolar setahun. Dengan penjimatan wang sebanyak itu, kerajaan Amerika Syarikat dapat menyalurkan wang tersebut pada keperluan yang lain (MacKenzie, 2016).

Akhir sekali, dengan pelaksanaan sistem parol, ianya dapat mengurangkan kadar residivis di kalangan banduan. Residivisme terjadi apabila bekas banduan yang telah dibebaskan terlibat kembali melakukan sebarang jenayah. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Parol Amerika Syarikat pada tahun 2005, pelaksanaan sistem parol terhadap banduan di seluruh Amerika Syarikat telah berjaya mengurangkan kadar residivis hampir 30% (MacKenzie, 2016). Kejayaan mengurangkan kadar residivis adalah amat penting sekali kerana ia akhirnya dapat mengurangkan kadar jenayah keseluruhan dan meningkatkan keselamatan serta kesejahteraan masyarakat.

Hampir kesemua banduan yang terpilih untuk mengikuti program Sistem Parol di Malaysia sejak pertama kali ianya dilaksanakan sehinggalah ke hari ini merupakan banduan yang terlibat dengan jenayah penyalahgunaan dadah berulang. Menurut kenyataan Bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang juga merupakan Menteri Dalam Negeri pada 19 Mac 2018, pelaksanaan selama 10 tahun sistem parol di Malaysia telah berjaya mengurangkan kadar jenayah berulang dari 9.03 peratus kepada 0.48 peratus.

Menurut Buku Maklumat Dadah 2020 yang telah dikeluarkan oleh pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) pula, sepanjang bulan Januari hingga Disember 2020, sebanyak 20,643 kes penyalahguna dadah serta bahan telah dikesan oleh pihak AADK. Sejumlah 19,669 kes melibatkan pengguna dadah manakala selebihnya yang berjumlah 974 kes melibatkan pengguna dadah wanita. Dari segi status kes pula, jumlah kes penyalahgunaan dadah baharu yang direkodkan adalah sebanyak 13,879 kes manakala bagi kes penyalahgunaan dadah berulang pula adalah sebanyak 6,764 kes. Jika dibuat perbandingan antara tahun 2019 dan 2020, didapati bahawa berlakunya penurunan dari segi jumlah kes sama ada kes penyalahgunaan dadah baharu mahupun kes penyalahgunaan dadah berulang bagi tahun 2020. Jumlah penurunan tersebut adalah 20.7% bagi kes penyalahgunaan dadah baharu (penurunan sebanyak 3627 kes) dan 21.1 % bagi kes penyalahgunaan dadah berulang (penurunan sebanyak 1810 kes).

Berdasarkan kenyataan Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan statistik dadah di atas, jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan Sistem Parol mempunyai pengaruh terhadap statistik penurunan kes penyalahgunaan dadah berulang bagi tahun 2020. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti elemen yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan sistem parol.

METODOLOGI

Bagi penyelidikan ini, penyelidik telah menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Menurut Othman(2009), penyelidikan berbentuk kualitatif penting untuk memperolehi maklumat yang lebih mendalam tentang elemen-elemen lain yang tidak boleh diukur menggunakan skala nombor. Melalui kaedah ini, penyelidik merasakan bahawa ia lebih bersesuaian untuk memperolehi data yang diperlukan bagi menjawab persoalan kajian. Menurut Robson (2002), dalam penyelidikan kualitatif yang berbentuk ‘grounded theory’, penyelidik perlu pergi ke lapangan dengan fikiran terbuka tanpa berpegang kepada mana-mana teori tetapi mempunyai pengetahuan tentang kajian-kajian terdahulu yang berkaitan.

Bagi menjalankan penyelidikan ini, penyelidik telah memilih responden yang terdiri daripada penghuni-penghuni PUSPEN, Bachok, Kelantan untuk dijadikan sebagai sampel. Penyelidik telah berjaya menemui bual 19 orang penghuni wanita dari pusat tersebut. Penyelidik telah memilih sampel dari PUSPEN, Bachok, Kelantan kerana pusat tersebut merupakan pusat pemulihan dadah yang terdiri daripada penghuni wanita sahaja dan hal ini memudahkan lagi perjalanan penyelidikan ini kerana penyelidik ingin mengkaji tentang fenomena penyalahgunaan dadah dalam kalangan wanita. Kebenaran dan kerjasama yang telah diberikan oleh pihak PUSPEN, Bachok, Kelantan dalam proses menemui bual sampel turut menjadi faktor kepada pemilihan lokasi kajian ini.

Penghuni PUSPEN yang telah dipilih sebagai sampel adalah berumur di antara 20 tahun sehingga 30 tahun. Bilangan penghuni yang telah berjaya ditemui bual sehingga ke sesi terakhir adalah seramai 19 orang. Kajian yang dijalankan ini berbentuk kualitatif dan tidak memerlukan bilangan sampel yang terlalu ramai seperti kaedah penyelidikan kuantitatif. Metod atau kaedah dalam penyelidikan kualitatif ini bukanlah untuk tujuan generalisasi, sebaliknya bertujuan untuk mendalami tentang penyalahgunaan dadah dalam kalangan wanita dengan menggunakan kekayaan data melalui kaedah temu bual mendalam. Oleh itu, bilangan responden seramai 19 orang ini sudah mencukupi untuk mengkaji tema-tema penyelidikan dan memudahkan proses mengumpulkan maklumat dan temu bual.

Disebabkan penyelidikan yang dijalankan ini berbentuk kualitatif, maka alatan yang digunakan adalah dengan melakukan temu bual mendalam (in-depth interview). Kaedah ini digunakan bagi memperolehi maklumat dengan lebih banyak dan mendalam daripada responden berkaitan fenomena penyalahgunaan dadah dalam kalangan wanita. Melalui temu bual mendalam, penyelidik akan mendapat maklumat yang lebih mendalam tentang penyalahgunaan dadah dalam kalangan wanita melalui penerangan yang diberikan berdasarkan soalan yang diajukan kepada mereka tentang penyalahgunaan dadah daripada pengalaman mereka sendiri.

Temu bual tersebut telah dijalankan secara individu dan bersemuka di antara penyelidik dan responden dengan menggunakan topik yang telah ditentukan oleh penyelidik. Bagi menggalakkan serta memberikan kebebasan kepada responden menceritakan pengalaman mereka dengan lebih mendalam, temu bual tersebut telah menggunakan lebih banyak soalan terbuka. Topik ini penting sebagai garis panduan kepada penyelidik ketika menjalankan sesi temu bual agar proses pengumpulan data berjalan dengan lancar, tidak tersasar dan lebih memfokuskan kepada persoalan kajian yang ingin dikaji.

Data yang telah dikumpul telah di analisis secara manual setiap kali selepas sesi temu bual dilakukan bagi setiap responden. Proses analisis tersebut telah melihat kepada tema-tema atau konsep-konsep yang muncul daripada setiap responden. Pada waktu ini akan terjadilah *constant comparative method* di mana maklumat yang diperolehi akan disaring sehingga menemui tema tertentu yang dikemukakan oleh seorang responden dan penyelidik akan membezakannya dengan tema tertentu yang dikemukakan oleh responden yang lain. Setelah itu, setiap dari kategori data telah dianalisis secara melintang bagi mengenal pasti tema yang mempunyai persamaan dan telah dikelompokkan sebagai satu tema yang sama. Apabila tema-tema yang muncul itu diperolehi, ianya telah dianalisis pula mengikut persoalan dan objektif kajian.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa terdapat terdapat 4 elemen utama kepada keberkesanan pelaksanaan Sistem Parol dalam menangani fenomena residivisme dalam kalangan OPD iaitu, pelaksanaan ujian air kencing secara berkala, pemantauan, sokongan moral dari pegawai parol dan program pendidikan pencegahan dadah.

Menurut kesemua 13 orang responden yang telah ditemu bual, aktiviti paling utama yang mengelakkan diri mereka dari kembali mengambil dadah semula selama mengikuti sistem parol adalah ujian air kencing. Hasil dari temu bual pengkaji terhadap kesemua responden, pengkaji mendapati bahawa implikasi atau kesan dari pelaksanaan ujian air kencing yang dilakukan setiap minggu terhadap kesemua ODP adalah kesemua ODP tidak kira sama ada yang tinggal bersama keluarga atau yang tinggal di rumah pengantaraan tidak kembali mengambil dadah walaupun telah berada di luar penjara yang mana mudah bagi ODP untuk memperolehi bekalan dadah.

“Dalam parol ni jugak, setiap hari rabu saya kena mai kat pejabat parol ni buat ‘urine test’. Setiap minggu saya kena buat ‘urine test’ tu. Kalau la sekali saja saya sangkut dalam ‘urine test’ tu, hukuman dia, saya kena masuk penjara balik dan akan kena bicara mahkamah balik untuk kesalahan dadah yang baru. Maknanya saya akan kena tambah hukuman penjara yang baru pulak. Dari segi ‘urine test’ tu, memang betui-betui membantu saya dari ambik balik dadah. Bila dah duduk kat luaq ni, memang mudah la kalau nak ambik balik dadah. Tambah pulak balik duduk kat rumah sendiri, lagi la mudah nak ambik balik dadah pasai saya tau kat mana ‘port’ orang dok hisap dadah dan kat mana boleh beli dadah. Tapi kerana ‘urine

test' tiap-tiap minggu tu, saya jadi takut nak ambik balik dadah. Saya dah tak mau masuk penjara lagi.” (Responden 1)

“Saya rasa aktiviti yang bantu saya dari ambik balik fit sampai hari ni ialah ‘urine test’. Dalam parol ni, tiap-tiap hari rabu saya kena mai pejabat ni buat ‘urine test’. ‘Urine test’ ni untuk tengok saya ada tak ambik balik masa dalam parol ni. Kalau saya sangkut ‘urine test’ tu, maknanya saya ada ambik balik fit atau pun dadah lain. Dan kalau jadi macam tu, saya nanti kena masuk balik dalam penjara. Dan kena hukuman penjara yang baru... Urine test’ tu memang sangat berkesan la atas diri saya. Pasai, saya dah tak mau nak masuk dalam penjara lagi. Saya dah tak tahan kena kurung 24 jam macam yang saya dah kena dulu. Hidup tak macam manusia. Saya nak hidup bebas. Saya nak hidup dengan keluarga saya. Jadi kerana tu la saya dah tak ambik fit atau dadah lain masa dalam parol ni. Kalau dalam parol ni saya ambik jugak fit atau dadah lain dan sangkut ‘urine test’, saya nanti kena masuk balik dalam penjara dan kena hukuman baru pulak. Tambah lagi masa saya kena penjara...” (Responden 3)

Jika dilihat kepada jawapan yang telah diberikan oleh kesemua responden berkaitan kesan pelaksanaan ujian air kencing tersebut, kesemua responden menyatakan bahawa mereka merasa takut untuk mengambil semula dadah kerana tidak mahu dipenjarakan semula sekiranya didapati positif dadah semasa mengikuti sistem parol. Menurut pendapat pengkaji, langkah pelaksanaan ujian air kencing tersebut benar-benar berkesan dalam mengelakkan ODP dari kembali semula mengambil dadah semasa mengikuti sistem parol.

Seterusnya, elemen kedua yang menjadi elemen keberkesanan sistem parol adalah ODP sentiasa diperhati dan dipantau oleh pihak parol semasa berada di rumah dan juga di tempat kerja. Menurut dua belas orang responden, selain dari ujian air kencing, pemantauan yang dilakukan oleh pihak parol terhadap responden juga banyak membantu dari kembali mengambil dadah selama mengikuti sistem parol. Menurut responden, pihak parol menghantar salah seorang pegawai parol ke tempat kerja responden bagi melihat dan memantau keadaan responden semasa berada di tempat kerja. 3 ke 4 kali seminggu. Bagi responden yang tinggal sendiri, semasa berada di rumah setelah jam 7.00 malam pula, pihak parol akan menelefon responden untuk memastikan responden telah berada di rumah selepas jam 7.00 malam.

Kadang-kala, selepas menelefon responden, seorang pegawai parol datang ke rumah untuk memastikan responden benar-benar telah berada di rumah. Bagi responden yang tinggal di rumah pengantaraan pula, pihak parol telah memasang kamera cctv bagi memantau gerak-geri kesemua ODP yang tinggal di rumah pengantaraan setiap masa. Selain memasang kamera cctv, pihak parol juga telah meletakkan seorang pegawai parol untuk tinggal bersama-sama dengan ODP di rumah pengantaraan 24 jam sehari. Pengkaji mendapati bahawa kesan dari pemantauan ketat yang dilakukan oleh pihak parol terhadap ODP menyebabkan kesemua ODP tidak jatuh kembali mengambil dadah selama mengikuti sistem parol.

“Aktiviti yang saya rasa membantu saya dari ambik balik fit atau dadah lain sampai ke hari ni ialah ‘urine test’ dan pemantauan yang pihak parol buat. 2 aktiviti tu la yang buat saya selama dalam parol ni tak jatuh balik ambik fit. Kalau tak ada ‘urine test’ dan pemantauan tu, saya rasa mungkin saya dah ambik balik fit pasai bila dah dok kat luaq ni mudah sangat nak dapat fit balik. Bila-bila masa pun boleh dapat fit tu.” (Responden 4).

“Aktiviti lain yang bantu jugak saya kekai bebas tanpa dadah adalah pemantauan yang pihak tuan dan

cikgu-cikgu dok buat tiap-tiap hari kat saya... 'Urine test' dengan pemantuan yang pihak parol ni dok buat memang berkesan sungguh kat atas saya. Macam saya kata tadi, saya kekai bebas dari dadah dari hari mula saya masuk dalam parol ni sampai la ke hari ni semua kerana 'urine test' dan pemantauan yang tuan dan cikgu-cikgu dok buat. Dua benda ni memang berkesan la kekaikan saya bebas tanpa dadah. Kerana dua perkara ni saya jadi takut nak ambik balik dadah. Saya takut kalau saya ambik balik dadah dan sangkut 'urine test' atau taun dapat tau saya ambik dadah balik, pihak parol akan tangkap saya dan masuk saya balik dalam penjara. Pastu kena tambah hukuman baru pulak. Saya dah tak mau masuk dalam penjara dah” (Responden 7).

“Saya rasa dalam semua program yang saya dah ikut dalam parol ni, 'urine test' dan pengawasan yang pihak parol buat la yang bantu saya dari jatuh balik ambik dadah. 2 benda tu la yang betui-betui bantu saya dari jatuh balik ambik dadah. Aktiviti-aktiviti lain pun baguih jugak. Cuma yang betui-betui bantu saya dari ambik dadah balik tu la 'urine test' dan pengawasan...Dua-dua program tu memang bagi kesan la kat diri saya. Dia buat saya takut nak ambik dadah balik. Kalau saya jatuh balik ambik dadah masa dalam parol ni, dan saya sangkut 'urine test', pihak parol akan hantaq saya ke penjara balik. Saya kena habiskan tempoh parol saya ni dalam penjara dan kena hukuman baru pulak kerana ambik dadah dalam parol ni. Saya dah tak mau masuk dalam penjara dah. Cukup la saya dah masuk dalam penjara sebelum ni. Saya nak hidup bebas” (Responden 12).

Menurut jawapan yang diperolehi dari temu bual, hasil pemantauan yang dilakukan telah menimbulkan rasa takut di dalam diri kesemua responden dari mengambil dadah semula selama berada di dalam sistem parol. Responden menyatakan bahawa mereka merasa takut untuk kembali mengambil dadah semula kerana dikhuatiri pihak parol mengetahuinya lalu responden dipenjarakan semula. Pada pendapat pengkaji, tindakan pemantauan yang dilakukan oleh pihak parol mempunyai kesan yang besar dalam memastikan setiap ODP kekal bebas dari pengaruh dadah selama mengikuti sistem parol.

Elemen yang ketiga pula adalah sokongan moral dari pegawai parol. Para pegawai parol banyak memberikan ODP nasihat dan sokongan agar tidak lagi kembali mengambil dadah. Menurut sembilan orang responden, sikap para pegawai parol yang tidak pernah jemu-jemu memberikan nasihat dan sokongan terhadap responden telah banyak menyedarkan responden tentang keburukkan dadah terhadap diri responden. Nasihat dan sokongan yang diberikan ini sedikit-sebanyak membantu diri responden menjadi kuat untuk melawan keinginan terhadap dadah.

“Dan Kebanyakan cikgu-cikgu, tuan-tuan kat sini banyak bagi sokongan dan nasihat. Dia orang tak jemu-jemu nasihatkan saya. Dia orang selalu nasihat saya jangan la ambik balik dadah bila dah keluaq nanti. Nasihat yang cikgu-cikgu dan tuan selalu bagi kat saya tu buat saya sedaq yang dadah ni hanya merosakkan dan membahayakan diri dan masa depan saya saja.. Memang la syok bila hisap dadah, tapi syok tu sat saja. Lepas habis syok tu, dadah ni merosakkan saya” (Responden 2)

“Dan satu lagi, cikgu-cikgu dan tuan selalu dok nasihat saya jangan ambik balik fit bila bebas nanti... Nasihat yang cikgu-cikgu dan tuan dok bagi kat saya tu pun ada kesan jugak kat diri saya. Dengan nasihat yang depa dok bagi tu, saya sedaq tentang tanggungjawab saya pada mak ayah saya. Dan saya berazam nak jadi anak yang baik bila bebas nanti...” (Responden 5)

“Dan satu lagi, cikgu-cikgu dan tuan selalu dok nasihat saya jangan ambik balik fit bila bebas nanti. Tu la

yang buat saya kekai tak ambik balik 'fit' sampai ke hari ni... Nasihat yang cikgu-cikgu dan tuan dok bagi kat saya tu pun ada kesan jugak kat saya. Dengan nasihat yang depa dok bagi tu, saya sedaq tentang tanggungjawab saya pada keluarga saya” (Responden 9)

Pengkaji berpendapat bahawa sikap para pegawai parol yang sering memberikan nasihat dan sokongan kepada ODP sedikit sebanyak memberikan kesedaran dan juga kekuatan kepada diri setiap ODP untuk terus membebaskan diri dari pengaruh dadah. Sokongan penuh dari para pegawai parol ini sangat-sangat diperlukan oleh kesemua ODP bagi menguatkan ketahanan diri melawan keinginan dan ingatan kepada keasyikan dadah. Sokongan dan nasihat yang telah diberikan kepada ODP ini dilihat memainkan peranan yang penting dalam memastikan kesemua ODP tidak kembali mengambil dadah semua selama berada di dalam sistem parol.

Dan yang terakhir, elemen keberkesanan pelaksanaan sistem parol adalah program pendidikan pencegahan dadah. Program pendidikan pencegahan dadah yang dilaksanakan setiap minggu juga banyak memberikan kesedaran kepada ODP untuk berhenti dari mengambil dadah semula. Menurut lapan orang responden, program ceramah berkaitan keburukkan dadah yang diatitkan setiap minggu juga sedikit sebanyak berperanan dalam membantu responden dari kembali mengambil dadah semula selama berada di dalam sistem parol. Menurut responden lagi, kesan dari menghadiri kesemua program pendidikan pencegahan dadah tersebut, ilmu responden mengenai keburukkan dadah semakin bertambah dan secara tidak langsung telah menimbulkan kesedaran di dalam diri responden untuk tidak mengambil dadah lagi.

“Program ceramah yang tiap-tiap hari Rabu saya dok denga kat pejabat parol ni pun banyak bagi kesedaran dan kefahaman pasai keburukkan dadah” (Responden 8)

“Ceramah dan aktiviti AADK yang saya dok ikut pun banyak bagi ilmu dan kesedaran kat saya tentang buruknya dadah ni kat diri saya dan keluarga saya...” (Responden 11).

Pengkaji melihat bahawa penyaluran maklumat berkaitan implikasi buruk yang akan menimpa ODP, ahli keluarga ODP, masyarakat dan negara dari gejala penyalahgunaan dadah serta maklumat-maklumat lain yang sangat berguna buat diri ODP bagi menjadi bekalan setelah dibebaskan nanti sangat bertepatan dan diperlukan oleh ODP. Hasil pertambahan maklumat-maklumat yang disalurkan secara langsung menimbulkan kesedaran di dalam diri setiap ODP bagi mengekalkan diri bebas dari pengaruh dadah buat selama-lamanya. Oleh itu tindakan pihak parol menyalurkan maklumat-maklumat penting melalui aktiviti ceramah sangat tepat dan berperanan dalam memastikan kesemua ODP tidak kembali mengambil dadah terutama semasa berada di dalam sistem parol.

KESIMPULAN

Hasil dari temu bual yang telah dijalankan serta analisis pengkaji terhadap aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dalam sistem parol terutama sekali aktiviti yang telah dinyatakan seperti di atas, jelas sekali aktiviti-aktiviti tersebut benar-benar memberikan kesan yang positif dalam mengelakkan ODP kembali mengambil semula dadah selama mengikuti sistem parol.

Buktinya, menurut kata-kata ketua pegawai parol bagi Pejabat Parol Daerah Kuala Terengganu dan Pejabat Parol Daerah Hulu Terengganu, sejak program parol dilaksanakan di kedua-dua daerah tersebut belum ada lagi

ODP yang didapati terlibat mengambil dadah kembali semasa mengikuti sistem parol. Dan menurut kesemua responden sendiri, walaupun telah berada di luar penjara di mana adalah mudah bagi mereka mendapatkan bekalan dadah, mereka tidak berani untuk mengambil dadah kerana takut berjaya dikesan oleh pihak parol lalu dipenjarakan semula.

RUJUKAN

- Anglin, T. J. (2016). *Community correction: Probation, parole and intermediate sanctions*. USA: Thompson Learning.
- Aslie, M. R. (2008). *Krisis dadah*. Kuala Lumpur: Pustaka Cita Tinggi.
- Astro Awani (2017). *Sistem parol buka peluang kedua buat banduan - KP Penjara*. Atas talian <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/sistem-parol-buka-peluang-kedua-buat-banduan-kp-penjara-139301>
- Bernama (2018). *Sistem parol bagi peluang kedua banduan*. Diakses daripada <https://www.freemalaysiatoday.com/category/leisure/2018/04/01/sistem-parol-bagi-peluang-kedua-banduan/>.
- Carney, L. P. (2017). *Probation and parole: Legal and social dimensions*. New York: McGraw Hill Book Company.
- Cromwell, P. F., Del Carmen, R. V., & Alarid, L. F. (2017). *Community-based correction (5th edition)*. USA: Wadsworth/Thomson Learning.
- Delprino, R. P. (2014). *Work and family support services for correctional officers and their family members: A national survey*. USA: United States Department of Justice.
- Hammer-Bacher, M., & Lyvers, M. (2018). Factors associated with relapse among clients in Australian substance disorder treatment facilities. *Journal of Substance Use*, 11(6), 387-394.
- Jabatan Penjara Malaysia (2017). *Latar belakang bahagian parol & perkhidmatan komuniti*. Diakses daripada <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/biru/parol#Fungsi>.
- Jamalludin, H. (2016). 97 peratus bekas banduan ikuti program parol tidak ulangi kesilapan. *Sinar Harian*. Diakses daripada <http://www.sinarharian.com.my/semasa/97-peratus-bekas-banduan-ikuti-program-parol-tidak-ulangi-kesilapan-1.26968?localLinksEnabled=false>
- Jamaludin, M., Noor Azniza, I., Siti Rozaina, K., & Nabisah, I. (2019). Pencapaian pelaksanaan program ODP di Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 22, 33-49.
- Johnson, B., Spenser, D. L., David, B. L., & Micheal, M. (2017). A systematic review of the religiosity and

delinquency literature. *Journal of Contemporary Criminal Justice*. 16(1), 32-52

- Kementarian Dalam Negeri. (2010). *Urusetia lembaga parol*. Diakses daripada <http://www.moha.gov.my/index.php/ms/maklumat-korporat/maklumat-bahagian/bahagian-parlimen-dan-kabinet/117-maklumat-korporat/maklumat-bahagian/urusetia-lembaga-parol>
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Mohd Fauzi Hamat & Hadenan Towpek (2012). Nilai-nilai Islam dalam program pemulihan banduanita di Penjara. *Jurnal Usuluddin*, 35, 99-116.
- Lajis, R. (2015). *Dadah pengubah tingkahlaku, tanggapan diri dan perasaan halusinogen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- MacKenzie, D. L. (2016). *What works in corrections: Reducing the criminal activities of offenders and delinquents*. USA: Cambridge University Press.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2016). *Mencegah, merawat & memulihkan penagihan dadah: Beberapa pendekatan dan amalan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Mohamad, S. R. (2011). *Kelebihan sistem parol*. Harian Metro. Diakses daripada http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Minda_Kelebihanstemparol/Article/index_html
- Petersilia, J. (2015). *When prisoners come home: Parole and prisoner reentry*. New York: Oxford University Press.
- Scozzelli, J. (2015). *Drugs abuse: Prevention and rehabilitation in Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Jamiaah Abdul Jalil (2017). *Pengaruh program keagamaan dan sokongan sosial terhadap konsep sendiri, kebimbangan dan kemurungan: Kajian dalam kalangan banduan wanita di Malaysia*. PhD thesis. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- Wan Roslili Abd. Majid & Najibah Mohd Zain. (2018). Isu dalam penahanan dan pemulihan banduan di Malaysia. *Jurnal Kanun*, 27(1), 143-168.
- Zaiton Hamina & Rafizah Abu Hassan (2016). The roles and challenges of parole officers in reintegrating prisoners into the community under the parole system. *ASEAN Conference on Environment-Behaviour Studies*, Savoy Homann Bidakara Bandung Hotel, Bandung, Indonesia, 15-17 Jun.